

NOTIS PENTING

Sila Semak Sijil Takaful dan Penyata Maklumat Sijil anda yang anda akan terima apabila pendaftaran untuk pelan Group Term Takaful telah berjaya.

Anda boleh membatalkan sijil anda dalam masa 15 hari kalendar dari tarikh penghantaran dengan memberi notis bertulis kepada kami. Jika pembatalan dibuat dalam tempoh semakan percuma ini, tiada nilai serahan tunai akan dibayar. Semua manfaat dan hak di bawah sijil ini akan tamat selepas menerima notis tersebut.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau perubahan maklumat, anda boleh menghubungi Sun Life Malaysia Takaful Berhad di 1300-88-5055, Isnin hingga Jumaat dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang.

Perlindungan anda akan bermula setelah dokumen sijil dikeluarkan.

Tempoh menunggu selama 30 hari dari tarikh permulaan perlindungan GTT (juga dikenali sebagai tarikh permulaan GTT) akan dikenakan untuk kematian. Tiada manfaat akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia dalam tempoh menunggu seperti yang ditakrifkan.

Sun Life Malaysia Takaful Berhad hendaklah dilepaskan daripada semua liability apabila manfaat takaful telah digunakan mengikut pilihan yang dipilih (wakaf atau badal haji).

DOKUMEN PENGISYTIHARAN

1. Saya menyedari bahawa ia adalah tanggungjawab pendedahan prakontrak di mana saya perlu mengambil langkah yang munasabah untuk tidak melakukan salah nyataan iaitu memberikan jawapan/maklumat palsu apabila menjawab sebarang soalan yang ditanya oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad dan bahawa saya perlu menjawab soalan dengan lengkap dan tepat/benar.
2. Saya mengakui dan mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami maklumat tersebut sepenuhnya, manfaat-manfaat serta terma-terma dan syarat-syarat di bawah Group Term Takaful yang telah diringkaskan tetapi tidak menyeluruh dalam Dokumen Keterangan Produk Group Term Takaful.
3. Saya menyedari bahawa umur orang yang dilindungi akan diakui jika bukti sewajarnya dikemukakan kepada Sun Life Malaysia Takaful Berhad. Bukti umur adalah diperlukan sebelum pembayaran manfaat-manfaat dilakukan di bawah Dokumen Sijil tersebut.
4. Saya menyedari bahawa saya perlu memaklumkan kepada Sun Life Malaysia Takaful Berhad mengenai sebarang perubahan kepada jawapan yang diberikan dalam permohonan ini jika perubahan berlaku selepas saya menyerahkan permohonan tetapi sebelum sijil dibuat.
5. Saya menyedari bahawa jika mana-mana jawapan, kenyataan atau maklumat yang saya berikan adalah tidak benar/tepat, sijil boleh terbatal, tuntutan saya ditolak atau dikurangkan, terma-terma sijil ditukar atau diubah, atau sijil ditamatkan.
6. Saya sedar bahawa perlindungan takaful di bawah sijil ini tidak akan berkuatkuasa melainkan Sun Life Malaysia Takaful Berhad telah meluluskan permohonan ini. Saya juga sedar bahawa setelah sijil dikeluarkan atau ditolak, perlindungan akan mengikut sijil, atau akan ditamatkan, masing-masing.
7. Saya memahami dan bersetuju bahawa sebarang maklumat peribadi saya yang diperolehi atau disimpan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad ("Pengendali Takaful") (sama ada terkandung dalam permohonan ini atau diperolehi dengan cara lain) boleh disimpan, digunakan dan didedahkan oleh Pengendali Takaful kepada individu atau organisasi yang berkaitan dengan Pengendali Takaful atau mana-mana pihak ketiga yang terpilih (di dalam atau di luar Malaysia termasuk syarikat pengendali takaful semula dan syarikat-syarikat siasatan tuntutan serta persatuan/persekutuan industri) bagi tujuan pemprosesan permohonan ini dan memberikan perkhidmatan seterusnya untuk sijil ini serta menghubungi saya bagi tujuan tersebut. Pemprosesan dan pendedahan data peribadi ini akan dilaksanakan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA), Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024, serta sebarang undang-undang, peraturan atau arahan perlindungan data lain yang berkuatkuasa. Saya memahami bahawa saya berhak untuk mendapatkan akses dan meminda pembetulan terhadap sebarang maklumat peribadi yang dipegang oleh Pengendali Takaful dan permintaan tersebut boleh dibuat melalui Talian Khidmat Pelanggan Pengendali Takaful di 1300-88-5055. Saya akan memaklumkan Pengendali Takaful dengan segera mengenai sebarang perubahan kepada maklumat peribadi.

Saya dengan ini mengesahkan penyertaan saya ke dalam pelan Group Term Takaful, yang diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad, Pengendali Takaful yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.